

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Enhanced Road Warrior. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/“Kami”)
Nama Produk : Enhanced Road Warrior

1. Apakah produk ini?

Di samping melindungi anda dan para penumpang anda menerusi perlindungan Kemalangan Diri serta berbagai jenis faedah yang lain, pelan ini juga menyediakan Program Bantuan Kereta 24 jam. Satu panel para pengendali trak tunda yang terpilih di seluruh Malaysia telah diwujudkan untuk menyediakan bantuan. Enhanced Road Warrior juga memberi manfaat tambahan seperti penggantian kereta, perlindungan belas kasihan dan perlindungan banjir.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

(a) Faedah-faedah Kemalangan Diri

- Kematian/Hilang Upaya Kekal
- Belanja Perubatan
- Elaun Kematian
- Tanggung Rugi Berganda
- Pembedahan Pembetulan Kosmetik
- Pendapatan Hospital

(b) Program Bantuan Kereta

- Khidmat Tunda Kecemasan 24 jam dan Pembaikan Kerosakan Kecil Kereta Di Tepi Jalan
- Bantuan Teksi dan Kereta Sewa
- Mengaturkan Penginapan Hotel
- Bantuan Antarabangsa
- Mengaturkan Evakuasi Kecemasan
- Rujukan Pusat Servis
- Penghantaran Mesej Kecemasan

(c) Faedah-Faedah Tambahan

- Penggantian Kereta bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- Perlindungan Belas Kasihan (Tertakluk kepada Kenderaan Dinamakan di bawah Polisi Motor Komprehensif Kereta Persendirian)
- Pelan Pilihan Penggantian Kereta untuk 7 hari
- Perlindungan Banjir

Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah di dalam kontrak polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis pelan yang dibeli:

	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)
Premium	99	179	259
Program Bantuan Kereta	90	90	90

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar ?

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Pengecualian – Pemandu tidak memiliki lesen yang sah, kos penggantian bahagian-bahagian dan komponen-komponen, pengubahauan Kenderaan Yang Dinamakan yang menyalahi undang-undang, sebarang kenderaan perdagangan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam dan Kenderaan Yang Dinamakan yang digunakan untuk tujuan haram
- (c) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi insurans ini akan terbatal jika syarat ini tidak dipenuhi
- (d) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan yang berumur antara tujuh belas (17) sehingga lapan puluh (80) tahun

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Peperangan, perang saudara, bunuh diri, kelahiran, keguguran, tidak siuman (melainkan jika terjadi semata-mata dan secara langsung akibat kemalangan ke atas pemandu dan/atau penumpangnya ketika sedang memandu, berada di dalam, menaiki atau turun dari Kenderaan Yang Dinamakan), penyakit, berada di bawah pengaruh dadah atau minuman keras, kenderaan sewa, digunakan untuk perlumbaan, pembuatan kelajuan atau menjalankan perniagaan secara haram dan pemandu yang tidak memegang lesen memandu yang sah.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda berhak membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Pembatalan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis itu diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis, yang mana-mana lebih terdahulu. Setelah pembatalan, sebarang pulangan bayaran premium adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kami terhadap sebarang perubahan di dalam perincian maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan yang semua urusan surat-menjurut sampai ke tangan anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi ini, sila rujuk kepada buku 'Insurans Kemalangan Diri' *insuranceinfo*, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542

Email: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

- Road Warrior

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN YANG PENAMA TERSEBUT MENYEDARI TENTANG POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG TELAH ANDA PEROLEHI. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGİ SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/09/2018.